



LAPORAN TAHUNAN

KLINIK PAKAR 2024



HOSPITAL SUNGAI SIPUT

1.0 PENGENALAN

Klinik Pakar Hospital Sungai Siput mula beroperasi pada bulan Mac 1999. Sebelum Klinik Pakar beroperasi tempat tersebut asalnya ialah 'Special Care Neonate' dan diubahsuai menjadi Klinik Pakar.

Klinik Pakar Hospital Sungai Siput memberi perkhidmatan pakar di atas lawatan daripada Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh, mengikut jadual dan waktu yang telah disediakan. Ia terdiri daripada 10 disiplin iaitu Perubatan, Pembedahan, Obstetrik & Ginekologi, Pediatrik, Orthopedik, Psikiatrik, Oftalmologi, Geriatrik, Dietetik dan Radiologi.

Klinik pakar Sungai Siput telah diambil alih secara rasminya oleh Unit Penyeliaan Penolong Pegawai Perubatan pada 18 November 2024 sejajar dengan arahan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mengoptimalkan jururawat serta Penolong Pegawai Perubatan.

2.0 VISI, MISI & OBJEKTIF

2.1 VISI

Negara mengembeling tenanga kearah kesihatan yang baik.

2.2 MISI

Misi Kementerian Kesihatan adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama:

i. untuk memudahkan dan membolehkan rakyat:

- mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam Kesihatan
- menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga
- mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka

ii. untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi iaitu:

- mengutamakan pelanggan
- saksama
- tidak membebankan
- cekap
- wajar mengikut teknologi
- boleh disesuaikan mengikut persekitaran
- inovatif

iii. dengan menekankan:

- sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
- sifat menghormati maruah insan
- penglibatan Masyarakat
-

3. 0. VISI, MISI DAN OBJEKTIF HOSPITAL SUNGAI SIPUT

3.1 VISI

Menyediakan perkhidmatan kesihatan yang cekap, efisien dan berkualiti.

3.2 MISI

Memberi perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, komprehensif, selamat dengan semangat berpasukan dan profesionalisme.

3.3 OBJEKTIF

Memberi perkhidmatan rawatan dan pemulihan yang berkualiti berteraskan elemen-elemen budaya korporat supaya setiap individu mencapai dan mengekalkan satu taraf kesihatan bagi membolehkan menjalani kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif.

4.0 MATLAMAT

Memberi perkhidmatan diagnosis, perawatan dan pencegahan penyakit dengan tepat, efektif, cekap dan selesa untuk pesakit mengikut keperluan Klinik Pakar dan rawatan susulan.


5.0 OBJEKTIF KLINIK PAKAR

5.1 Memberi perkhidmatan kepakaran dan rawatan untuk pesakit di Klinik Pakar

5.2 Memberi perkhidmatan kaunseling kepada pesakit

6.0 CARTA ORGANISASI UNIT

LAPORAN TAHUNAN KLINIK PAKAR 2024



7.0 PERJAWATAN

7.1 SENARAI ANGGOTA DAN PERJAWATAN

LAPORAN TAHUNAN KLINIK PAKAR 2024

BILANGAN	NAMA	JAWATAN/GRED
1	FADHILAH BINTI HUSIN	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN U6
2	JEFRI BIN MOHD ZAIN	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN U6 TBK
3	LOGANATHAN A/L SUBRAMANIAM	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN U5
4	ASPALELA BINTI IBRAHIM	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN U5
5	NORZITA BINTI HALAIN	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN U1
6	NURMADIYANA BINTI AHMAD	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN U1

8.0 SKOP PERKHIDMATAN / FUNGSI UTAMA UNIT

8.1 Memberi perkhidmatan diagnosa dan pencegahan penyakit untuk pesakit

Klinik Pakar.

8.2 Memberi perkhidmatan kaunseling.

8.3 Klinik Pakar beroperasi waktu pejabat dan mengikut jadual berkala.

8.4 Jadual Klinik Pakar dan Pakar Lawatan

BIL	DISIPLIN	KEKERAPAN	NAMA PAKAR LAWATAN
1.	Perubatan	<ul style="list-style-type: none"> - Setiap hari Khamis minggu kedua & minggu keempat - Jika ada keperluan hari Selasa atau jumaat. 	<ul style="list-style-type: none"> - Dr Sufian Chong Chern Siong
2.	Pembedahan	<ul style="list-style-type: none"> - Setiap hari Selasa minggu ketiga 	<ul style="list-style-type: none"> - Miss Ling Li Fan
3.	Orthopedik	<ul style="list-style-type: none"> - Setiap hari Jumaat minggu keempat 	<ul style="list-style-type: none"> - Pakar lawatan setiap bulan bergilir mengikut jadual
4.	Obstetrik & Ginekologi	<ul style="list-style-type: none"> - Setiap hari Rabu minggu ketiga bersama Pegawai Perubatan. - Setiap hari Rabu minggu keempat bersama Pakar 	<ul style="list-style-type: none"> - Pegawai Perubatan - Dr Jumaidah Binti Abu Bakar

LAPORAN TAHUNAN KLINIK PAKAR 2024

5.	Pediatrik	<ul style="list-style-type: none"> - Setiap hari Isnin minggu kedua & keempat bersama Pakar - Setiap hari Isnin minggu ketiga bersama Pegawai Perubatan. 	<ul style="list-style-type: none"> - Dr Chang Wei Mun - Dr Leong Su Sei - Pegawai Perubatan
6.	Oftalmologi	<ul style="list-style-type: none"> - Setiap hari Khamis minggu ketiga bersama Pakar. 	<ul style="list-style-type: none"> - Pakar lawatan setiap bulan bergilir mengikut jadual.
7.	Geriatric	<ul style="list-style-type: none"> - Setiap hari Jumaat minggu pertama bersama Pakar 	<ul style="list-style-type: none"> - Dr Premala A/P Subramaniam
8.	Psikiatrik	<ul style="list-style-type: none"> - Setiap hari Selasa minggu keempat. - Setiap hari Rabu minggu kedua bersama Pakar. 	<ul style="list-style-type: none"> - Pegawai Perubatan. - Dr Anildev Singh Malhi
9.	Dietetik	<ul style="list-style-type: none"> - Setiap hari Selasa minggu kedua. 	<ul style="list-style-type: none"> - Pegawai Zat Makanan setiap bulan bergilir mengikut jadual.
10	Radiologi	<ul style="list-style-type: none"> - Setiap hari Rabu minggu pertama bersama Pakar 	<ul style="list-style-type: none"> - Pakar lawatan setiap bulan bergilir mengikut jadual.

9.0 STRUKTUR DAN KEMUDAHAN FASILITI

9.1 KAUNTER PENDAFTARAN

LAPORAN TAHUNAN KLINIK PAKAR 2024

9.1.1 Mendaftarkan semua pesakit dan mengutip bayaran rawatan pesakit yang hadir mengikut Akta Fee 1982 iaitu bayaran RM 5.00 bagi caj rawatan warga Malaysia dan RM 120.00 bagi Warga Asing yang ingin mendapatkan rawatan.

9.2 BILIK RAWATAN

9.2.1 Terdapat 2 buah bilik rawatan untuk menjalankan prosedur dan memberi privasi kepada pesakit semasa klinik berjalan.

9.2.2 Terdapat 1 bilik Oftalmologi disediakan lengkap dengan peralatan pemeriksaan mata.

9.2.3 Bilik Ketua Jururawat digunakan oleh Ketua Unit Klinik Pakar membuat tugas harian dan menyimpan dokumen sulit dan peti besi.

9.2.4 Bilik pantry anggota digunakan untuk anggota berehat dan menjamu selera.

9.2.5 Bilik Persidangan digunakan untuk perbincangan, mesyuarat, mesyuarat kematian serta mengajar pelatih-pelatih/ jururawat/ penolong pegawai perubatan.

9.3 ORGANISASI

9.3.1 Klinik Pakar dikendalikan oleh Pakar Rawatan mengikut disiplin yang telah ditetapkan. Beliau akan dibantu oleh Pegawai Perubatan dan Penolong Pegawai Perubatan yang bertanggungjawab mengendalikan klinik tersebut.

5.5.3 AKTIVITI SEBELUM KLINIK DIJALANKAN

- a) BHT pesakit dikenalpasti dan diambil di Unit Rekod sebelum klinik.
- b) Sertakan semua penyiasatan yang diarahkan oleh doktor atau pakar seperti ujian makmal dan xray

5.5.4 AKTIVITI SEMASA KLINIK DIJALANKAN

- a) Pendaftaran pesakit dibuat dan meminta pesakit menunggu.
- b) Pemeriksaan Vital Sign/ Antropometri akan dijalankan ke atas pesakit.

5.5.5 PEMERIKSAAN

- a) Doktor akan memeriksa pesakit dan dibantu oleh jururawat yang bertugas.

LAPORAN TAHUNAN KLINIK PAKAR 2024

b) Tarikh pemeriksaan akan datang akan diberikan kepada pesakit beserta slip ubat dan ujian makmal sekiranya ada selepas pesakit berjumpa doktor.

5.5.6 SELEPAS SESI KLINIK

- a) Jururawat yang bertugas akan memastikan nama pesakit dimasukkan ke dalam buku lawatan.
- b) Borang-borang berkaitan seperti ECHO, Ultrasound dan Xray mengikut arahan.

6.0 PIAGAM PELANGGAN

6.1 PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

i) Fokus Kajian

Memberikan penekanan ke atas aspek-aspek berikut:

- a) Kemudahan klinik pakar
- b) Perkhidmatan yang diberikan
- c) Layanan kepada pelanggan
- d) Komen/cadangan dari pelanggan

ii) Objektif Kajian

- a) Mengkaji tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan dan layanan yang diberikan semasa berurusan dengan Klinik Pakar.
- b) Mengenalpasti segala permasalahan yang di hadapi oleh pesakit samada dari aspek perkhidmatan dan layanan yang diberikan, kemudahan dan masa menunggu serta komen pelanggan terhadap rawatan.
- c) Melakukakan penambahbaikan terhadap perkhidmatan yang diberikan.
- d) Meningkatkan mutu perkhidmatan Klinik Pakar dari masa ke semasa ke klinik.

7.0 LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN**7.1 LAPORAN KURSUS**

BIL	NAMA	JAWATAN	MARKAH CPD
1	NORZITA BINTI HALAIN	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN	CUKUP 7 HARI KURSUS
2	NORMADIYANA BINTI AHMAD	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN	CUKUP 7 HARI KURSUS

7.2 LAPORAN MyCPD

BIL	NAMA	JAWATAN	MARKAH CPD
1	FADHILAH BINTI HUSIN	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN	CUKUP 40 POINT
2	JEFRI BIN WAN MOHD ZAIN	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN	CUKUP 40 POINT
3	ASPALELA BINTI MOHD IBRAHIM	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN	CUKUP 40 POINT
4	LOGANATHAN A/L SUBRAMANIAM	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN	CUKUP 40 POINT

8.0 AKTIVITI TAHUN 2024

8.1 Antara aktiviti yang dijalankan oleh Klinik Pakar sepanjang tahun 2024 adalah seperti berikut:-

GOTONG ROYONG

LAPORAN TAHUNAN KLINIK PAKAR 2024



MAJLIS SERAH TUGAS



SAMBUTAN HARI PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN



SAMBUTAN MAJLIS PERPISAHAN DAN PERSARAAN

LAPORAN TAHUNAN KLINIK PAKAR 2024



9.0 PENCAPAIAN TAHUN 2024

9.1 HPIA

Pencapaian HPIA Bagi Tahun 2024

INDICATOR 9.

Percentage of patients with waiting time of ≤ 90 minutes to see the doctor at the specialist clinic

Standard: $\geq 90\%$

Telah mencapai pencapaian 100% .

INDICATOR 11:

Percentage of hospital or medical institutional staff undergo helath screening for risk of Non Communicable Disease (NCD)



Standard: $\geq 70\%$

Telah mencapai pencapaian 100%


10. BEBAN KERJA DAN STATISTIK (TAHUN 2022 – 2024)

LAPORAN TAHUNAN KLINIK PAKAR 2024


10.1 a) Kedatangan Pesakit Ke Klinik Pakar Mengikut Disiplin Bagi Tahun 2022 -2024



LAPORAN TAHUNAN KLINIK PAKAR 2024



10.2 DATA KEHADIRAN PESAKIT MENGIKUT DARI 2022 HINGGA 2024



11.0 KESIMPULAN

Warga kerja klinik pakar sentiasa bersedia dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pesakit sepanjang masa. Mutu perkhidmatan akan sentiasa ditambahbaik dari masa ke semasa bagi mengekalkan perkhidmatan yang terbaik. Anggota bertugas akan sentiasa dihantar mengikuti kursus dan latihan bagi meningkatkan pengetahuan dalam memberikan perawatan dan perkhidmatan kepada pesakit.